



UPM- Queensland Perkukuh Penyelidikan Sains



Naib Canselor, UPM (dua dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Naib Canselor University of Queensland (dua dari kanan).

SERDANG, 24 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama dengan University of Queensland (UQ), Australia untuk mengukuhkan lagi bidang penyelidikan biosains dan bioteknologi.

Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata kerjasama itu akan memberi manfaat kepada Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM kerana UQ mempunyai kepakaran dalam penyelidikan bidang biosains hingga mampu menjana pendapatan daripada bidang tersebut.

"Budaya penyelidikan yang utuh di UQ akan memartabatkan lagi nama UPM dalam aktiviti pengantarabangsaan universiti," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Naib Canselor UQ, Australia Prof. Paul Greenfield di sini.

Beliau berkata kerjasama tersebut akan memberi faedah kepada kedua belah pihak terutamanya dari aspek pertukaran pelajar, penyelidik dan maklumat dalam bidang kerjasama yang dipersetujui.

Sementara itu Prof. Paul berkata UQ yang mempunyai kluster penyelidikan terbesar di Australia dapat memberi peluang kepada kumpulan pelajar dan penyelidik UPM meneroka bidang kepakaran UQ sekaligus kerjasama penyelidikan itu mampu dipasarkan ke peringkat global.

"UQ terkenal sebagai pusat penyelidikan bagi kanser dengan memperoleh geran penyelidikan sebanyak USD 10 juta selain mempunyai enam pusat penyelidikan bertaraf antarabangsa.

"UQ juga pernah menerima pengiktirafan universiti terbaik di Australia yang berpotensi dalam penyelidikan dan pendidikan tertier," katanya.



Upacara MoU antara UPM-UQ turut disaksikan oleh Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Dr. Mohd Ali Hassan (duduk kiri sekali).

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).